

11/10/2003

Gaya kepemimpinan Dr Mahathir dihargai

KUALA LUMPUR: Pameran Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara turut menjadi tumpuan pelajar sekolah dari seluruh negara.

Antaranya pelajar Sekolah Kebangsaan Berembang, Lubuk Cina Melaka dan Sekolah Kebangsaan Bukit Bandong, Batang Berjuntai, Selangor yang seolah-olah terpegun melihat Dr Mahathir dalam pelbagai riak wajah.

Mereka tidak melepaskan peluang menyaksikan semua wajah Dr Mahathir yang menyampaikan pelbagai mesej jika dilihat dan diteliti secara mendalam.

Guru Sekolah Kebangsaan Berembang Lubuk Cina, Helmizal Abu Bakar, 23, berkata, kunjungan pelajarinya ke pameran itu mencetuskan semangat dalam diri mengenai kepemimpinan Dr Mahathir yang berjaya memimpin negara.

"Walaupun tidak dapat berjumpa Dr Mahathir secara dekat, kami bangga sekurang-kurangnya berpeluang melihat koleksi wajahnya yang dirakamkan selama 22 tahun memimpin negara.

"Pelajar diberi sedikit penerangan mengenai gambar yang dipamerkan bagi memudahkan mereka memahami situasi yang digambarkan itu," katanya.

Pameran dua bulan berakhir 6 Disember ini adalah anjuran bersama Kementerian Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan media Malaysia sebagai penghormatan kepada Dr Mahathir.

Murid, Norazlin Ali Alwi, 12, berkata pameran itu mendedahkannya dengan perwatakan kepemimpinan Dr Mahathir yang banyak membantu perkembangan pemikiran generasi muda.

"Saya dapat melihat dua situasi berbeza sepanjang pembabitan Dr Mahathir, iaitu sebelum dan selepas saya dilahirkan," katanya.